

16 JAN 1999

Mahathir-Iraq

MAHATHIR KUTUK SERANGAN ASING TERHADAP IRAQ

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan serangan asing terhadap Iraq sebagai contoh pencabulan undang-undang dan amalan antarabangsa oleh mereka yang percaya bahawa mereka cukup berkuasa untuk tidak mempedulikannya.

"Mereka tidak menghormati undang-undang antarabangsa dan mereka ini jugakan orang yang cuba mengajar kita bagaimana mentadbirkan negara kita, bagaimana untuk mematuhi amalan antarabangsa dan semua itu," kata Perdana Menteri semasa ditanya pendapatnya mengenai situasi di Iraq.

Dr Mahathir berkata demikian semasa temuramah dengan Radio dan Televisyen Malaysia selepas merakamkan perutusan Hari Raya Aidilfitri di Wisma TV, Angkasapuri di sini semalam.

Katanya Suruhanjaya Khas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Unscm) yang diberi tanggungjawab melucutkan senjata Iraq malahan dilaporkan telah mengintip negara itu yang menunjukkan mereka "tidak mengambil berat terhadap apa itu yang dikatakan adil, hak dan kehormatan".

"Mereka tiada kehormatan langsung dan orang sebeginilah yang kita berurusan di dunia sekarang," katanya.

Jet pejuang Amerika dan Britian telah menghujani sasaran di Iraq dengan peluru berpandu selama empat hari bulan lepas selepas Iraq gagal memberikan kerjasama kepada pemeriksa senjata Unscm.

Sejak itu, dilaporkan terdapat konfrontasi ketenteraan mengenai zon bebas peperangan di Iraq yang telah diwujudkan selepas Perang Teluk 1991, bagi tujuan melindungi bangsa Kurdis di Utara dan orang Islam Syiah di Selatan daripada serangan tentera Iraq.

Dr Mahathir berkata: "Kini kelihatan seolah-olah wujud dunia unipolar, mereka yang berkuasa cenderung untuk memaksimumkan penindasan terhadap yang lemah.

"Kita ingatkan kejayaan demokrasi Barat akan mengarah kepada dunia yang lebih adil dan saksama. Tetapi agak jelas bahawa apabila orang diberikan kuasa mereka akan menyalahgunakannya."

-- BERNAMA

MAM RHM RON